

06/12/1997

PM, Nik Aziz berjemaah di Temoyong

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Jumaat di Masjid Temoyong, di sini bersama-sama Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Nik Aziz Nik Mat dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

Turut berjemaah bersama kira-kira 1,000 penduduk tempatan di masjid itu ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan Abdul Halim Abdul Rahman dan Pengerusi Eksekutif MAS Tan Sri Tajudin Ramli.

Menurut Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Kelantan Husam Musa, kehadiran Nik Aziz berjemaah di masjid itu adalah secara kebetulan sahaja.

Dr Mahathir berada di sini sejak Selasa sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) '97.

Selepas solat, Perdana Menteri makan tengah hari bersama pemimpin-pemimpin Pas berkenaan serta ahli jemaah lain di situ.

Abdul Halim yang ditemui kemudian berkata Nik Aziz datang untuk menyaksikan pameran Lima '97, bukan untuk apa-apa majlis parti.- Bernama

(END)